

04 AUG 2001

PERODUA-KELISA

PERODUA JANGKA DAPAT BAHAGIAN PASARAN YANG LEBIH BESAR DENGAN KELISA

RAWANG, 4 Ogos (Bernama) -- Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) menjangka memperolehi bahagian pasaran kereta tempatan yang lebih besar dengan pengenalan Perodua Kelisa, kata pengarah urusannya Datuk Abdul Rahman Omar, hari ini.

"Kami akan meningkatkan bahagian pasaran kami. Tahun lepas, bahagian pasaran kami ialah 28.3 peratus dan untuk tahun ini kami menjangka untuk mencapai 30 peratus," katanya kepada pemberita selepas pelancaran unit ke-500,000 keluaran Perodua yang juga merupakan unit pertama Kelisa, di kilang Perodua di Sungai Choh di sini.

Pelancaran Kelisa pertama itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang secara peribadi memeriksa lima bahagian kereta itu sebelum menandatangani dan mengesahkannya.

Abdul Rahman berkata enjin dan platform Kelisa adalah sama dengan Kenari dan ia dilengkapi dengan enjin berkuasa 1,000 cc.

Penempahan untuk Kelisa, yang dijangka dijual pada harga antara RM36,000 dan RM39,000, akan bermula Isnin ini dan pelancaran rasminya akan diadakan pada 24 Ogos, 2001, kata Abdul Rahman.

Kelisa yang terdiri daripada 57 peratus kandungan tempatan didatangkan dengan tiga variasi, EX, GX dan Easy, seperti sebelumnya Kancil dan kira-kira 1,700 unit akan boleh diperolehi semasa hari pelancaran.

Semasa ditanya mengenai sasaran jualan, beliau berkata Perodua menjangka dapat menjual antara 3,000 dan 4,000 unit sebulan.

Abdul Rahman berkata berikutan dengan pengenalan Kelisa, jumlah jualan Kancil mungkin terjejas tetapi tidak banyak.

Beliau berkata buat masa ini Kancil 660 cc mewakili kira-kira 40 peratus jualan Kancil manakala 850 cc selebihnya. -- BERNAMA

MK MR NHD